

## **LATAR BELAKANG SEKSYEN INTEGRITI**

Seksyen Integriti ditubuhkan di PUSAKA pada 2 Disember 2019 selaras dengan Pekeliling Negeri Sarawak Bilangan 2 Tahun 2019 bertarikh 15 Mei 2019 iaitu Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam Negeri Sarawak.

Peranan Seksyen Integriti adalah melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

### **1. Tadbir Urus**

Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di samping menangani isu-isu integriti terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam agensi.

### **2. Pengukuhan Integriti**

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam agensi.

### **3. Pengurusan Aduan**

Memastikan pengurusan aduan dilaksanakan dengan cekap.

### **4. Pengesanan dan Pengesahan**

Memastikan tindakan pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima dan seterusnya memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil.

### **5. Pematuhan**

Memastikan pematuhan ke atas undang-undang, polisi, peraturan dan prosedur.

### **6. Tatatertib**

Memantau tindakan tatatertib berdasarkan peraturan-peraturan pegawai awam dan kerja-kerja pengurusan tatatertib.

## **Visi**

Memacu Keutuhan Tadbir Urus Korporat PUSAKA.

## **Misi**

Memperkuhkan Integriti, Tatakelola Dan Antirasuah Melalui Pendekatan Sistemik Dan Holistik.

Carta Organisasi Seksyen Integriti adalah seperti berikut :

